

## Isu kurang penutup mulut dan hidung, cecair pembasmi kuman ke mesyuarat Kabinet Rabu ini

Mac 15, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA TERENGGANU, 15 Mac** - Isu kekurangan penutup mulut dan hidung serta cecair pembasmi kuman akan dibentangkan pada mesyuarat kabinet, Rabu ini.

Langkah tersebut bagi memastikan bekalannya dapat memenuhi permintaan dalam negara susulan penularan wabak pandemik, Covid-19.

Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Rosol Wahid, langkah tersebut termasuk memastikan tiada kenaikan melampau bagi barangan berkenaan.

Datuk Rosol berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja pertamanya selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri ke pejabat KPDNHEP Negeri Terengganu di Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu.

Terdahulu ketibanya di perkarangan pejabat disambut Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia bersama para pegawai dan anggota kakitangan jabatan tersebut.